



## SIARAN MEDIA

### **MESYUARAT AGUNG PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN KOMPUTER - PERTUBUHAN KERJASAMA NEGARA ISLAM KE-10 DAN PERSIDANGAN TAHUNAN KE-14**

**CYBERJAYA (10 November 2022)** – Malaysia melalui CyberSecurity Malaysia, telah menganjurkan Mesyuarat Agung Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer - Pertubuhan Kerjasama Negara Islam (OIC-CERT) ke-10 dan Persidangan Tahunan ke-14 bertempat di Muscat, Oman. Tuan rumah kali ini adalah Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Oman (OCERT).

Pada mesyuarat kali ini, hasil undian melihat negara Azerbaijan, Brunei, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Mesir serta Oman dilantik sebagai Ahli Lembaga OIC-CERT bagi sesi 2022-2024. Sementara itu, Malaysia terus kekal sebagai Sekretariat Tetap OIC-CERT yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Tetap. Oman pula kekal sebagai Pengerusi Lembaga OIC-CERT manakala UAE dan Indonesia telah dipilih sebagai Timbalan Pengerusi.

“Sebagai Sekretariat Tetap, CyberSecurity Malaysia akan terus memainkan peranan sebagai nadi penggerak agar OIC-CERT dapat menjadi platform kerjasama keselamatan siber serta dalam masa yang sama mengekalkan ruang siber OIC yang lebih selamat. CyberSecurity Malaysia turut mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Lembaga Pengarah OIC-CERT bagi sesi 2022-2024 dan berharap mereka dapat mengemudi OIC-CERT untuk pencapaian yang lebih cemerlang lagi.” kata Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral (Bersara) Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin.

OIC-CERT telah ditubuhkan pada tahun 2009, untuk menyediakan platform kepada negara-negara anggota OIC bagi tujuan kerjasama dan perkongsian berkaitan keselamatan siber yang akan memperkuatkan kemampuan masing-masing di ruang siber. OIC-CERT mempunyai 59 ahli dari 27 negara OIC dan merupakan institusi *affiliate* kepada OIC. Maklumat lanjut mengenai OIC-CERT boleh didapati di [www.oic-cert.org](http://www.oic-cert.org).

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat**  
**CyberSecurity Malaysia**